

## **UEM Edgenta Meneruskan Siri 'Jalinan Kasih Edgenta' Sempena Ramadan**

*Semangat kemasyarakatan diterap melalui program CSR khas Syarikat*

**KUALA LUMPUR, 29 Mac** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat pengurusan aset & penyelesaian infrastruktur terkemuka, menjalankan siri inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang bulan Ramadan dalam mengukuhkan komitmen kepada masyarakat menerusi siri program "Jalinan Kasih Edgenta" edisi 2024. Antara inisiatif yang dijalankan bagi meraikan semangat bulan Ramadan termasuk pengagihan bubur lambuk, bakul makanan, dan juga sesi berbuka puasa bersama-sama rumah anak yatim yang terpilih.

Program CSR yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan yang melibatkan hampir 3,800 penerima manfaat seluruh negara, baru baru ini sampai kemuncaknya dengan aktiviti berkembar melibatkan dua buah masjid di Pantai Dalam; Masjid Al-Ikhlasiah dan Masjid Ar-Rahah. Program bermula dengan majlis berbuka puasa bersama penghuni rumah anak yatim terpilih di Kuala Lumpur bersama-sama ahli kariah Masjid Al-Ikhlasiah, dan diikuti dengan pengagihan bakul makanan kepada 300 penerima asnaf yang juga melibatkan ahli kariah Masjid Ar-Rahah. Kedua-dua masjid terletak dalam kawasan yang sama dengan ibu pejabat UEM Edgenta, di kawasan Pantai Dalam.

"Semangat Ramadan lazimnya adalah kemurahan hati, belas kasihan, dan perkongsian pengalaman bersama. Melalui siri CSR kami yang dikenali sebagai 'Jalinan Kasih Edgenta', kami berhasrat untuk menerapkan nilai-nilai ini dan memberi pengalaman positif bagi masyarakat secara amnya. Kami berbangga dapat memainkan peranan dalam memperkuuhkan ikatan kebersamaan semasa bulan mulia ini," kata Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta.

"Agihan bekalan makanan keperluan ini juga diharap dapat membantu meringankan keperluan penerima manfaat di kawasan Pantai Dalam dan Kerinchi di samping memastikan mereka mempunyai peruntukan yang diperlukan dalam menyediakan hidangan pada bulan mulia ini. Kami yakin dan percaya bahawa UEM Edgenta dan masyarakat setempat di mana jua ia beroperasi mempunyai ikatan yang istimewa dan kami berhasrat untuk mengeratkan silaturahim itu," tambah Syahrunizam.

Turut hadir Ketua Pegawai Insan UEM Edgenta, Razman Ismail yang melengkapkan pengagihan makanan dengan sumbangan kepada Masjid Al-Ikhlasiah, sekaligus mencerminkan komitmen Syarikat bagi memastikan tiang komuniti setempat tersebut dijaga dengan baik. Semangat perkongsian ini dipanjangkan lagi dengan sumbangan duit raya kepada anak-anak asnaf dan pelajar Tahfiz yang hadir.

Seiring dengan edisi-edisi "Jalinan Kasih Edgenta" Ramadan yang lepas, program CSR kali ini juga melangkaui komuniti Pantai Dalam, di mana inisiatif ini dijalankan dengan objektif untuk memberi impak yang lebih besar terhadap komuniti yang mempunyai kehadiran UEM Edgenta.

Inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan dan yang akan datang melibatkan pelbagai aktiviti:

Aktiviti	Tarikh	Lokasi										
<b>Pengagihan Bakul Makanan</b> <i>Kandungan bakul makanan termasuk:</i> <table border="1"><tr><td>Beras 'Super Import' 5kg</td><td>Gula Pasir Kasar 1kg</td></tr><tr><td>Tepung 850gm</td><td>Minyak Masak 1kg</td></tr><tr><td>Bihun Beras 400gm</td><td>2x Tin Sardin Sos Tomato 155gm</td></tr><tr><td>Biskut Krim 400gm</td><td>Garam Halus 450gm</td></tr><tr><td>Krimer 500gm</td><td>Kopi Liberica 100gm</td></tr></table>	Beras 'Super Import' 5kg	Gula Pasir Kasar 1kg	Tepung 850gm	Minyak Masak 1kg	Bihun Beras 400gm	2x Tin Sardin Sos Tomato 155gm	Biskut Krim 400gm	Garam Halus 450gm	Krimer 500gm	Kopi Liberica 100gm	26 Mac 2024 4 April 2024	Surau Ashabul Kahfi Dungun, Terengganu  Masjid Abdullah Fahim Kepala Batas, Pulau Pinang
Beras 'Super Import' 5kg	Gula Pasir Kasar 1kg											
Tepung 850gm	Minyak Masak 1kg											
Bihun Beras 400gm	2x Tin Sardin Sos Tomato 155gm											
Biskut Krim 400gm	Garam Halus 450gm											
Krimer 500gm	Kopi Liberica 100gm											
<b>Pengagihan Bubur Lambuk</b>	2 April 2024	Restoran Jejantas & Hentian Rehat dan Rawat Sg. Buloh  Menara UEM, Kuala Lumpur										

Siri "Jalinan Kasih Edgenta" UEM Edgenta ini menyaksikan kerjasama dengan pelbagai organisasi. Selain daripada usahasama sedia ada bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Kuala Lumpur) yang telah sekian lama terjalin; tahun ini turut menyaksikan kerjasama dengan pihak PLUS bagi program "Infaq Musafir Ramadan" yang diadakan untuk mengagihkan makanan dan minuman kepada pengguna lebuhraya semasa tempoh perjalanan puncak yang dijadualkan pada 2 April 2024. Pada edisi tahun ini, kerjasama turut dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Zayan FM, sebuah stesen radio di bawah naungan Astro Audio, yang akan bersama-sama menganjurkan sesi berbuka puasa dengan anak yatim pada 3 April 2024 di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA).

Di samping menyumbang semula kepada komuniti di sekitar kawasan pengoperasian Syarikat, UEM Edgenta berhasrat untuk memupuk persefahaman bersama dan membina persahabatan jangka panjang bersama-sama semua organisasi yang terlibat. Melalui kerjasama ini, UEM Edgenta bercita-cita untuk mencipta sebuah legasi kebajikan yang boleh memberi impak dan sokongan yang mampan. Selain itu, UEM Edgenta baru-baru ini telah menaja sesi Iftar di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara, menunjukkan lagi komitmen Syarikat terhadap penglibatan komuniti.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta dan inisiatif-inisiatif CSR yang lain, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemuliharaan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada menjaga kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Issued by UEM Edgenta Berhad; For Media enquiries, please contact Wan Laila Fatihah, Head, Corporate Communication ([wanlaila@edgenta.com](mailto:wanlaila@edgenta.com))/ Ali Baizuri Razali, Manager, Media Relations ([alibaizuri@edgenta.com](mailto:alibaizuri@edgenta.com))